

Penubuhan Unitem pastikan setiap rakyat miliki kelulusan tinggi

OLEH YUSRI SAHAT

Oleh YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 26 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penubuhan Universiti Terbuka Malaysia (Unitem) merupakan langkah penting bagi memastikan setiap rakyat Malaysia memiliki kelulusan peringkat tinggi.

Perdana Menteri berkata, masa depan Malaysia dalam era teknologi maklumat dan pengetahuan bergantung kepada rakyat berpendidikan tinggi yang mampu menguasai pengetahuan bersama kecekapan berfikir.

“Sekarang ini bukan setakat boleh menulis atau membaca (sebaliknya) kalau boleh semua rakyat” di negara ini mempunyai kelulusan di peringkat universiti (kerana) kita berada dalam zaman maklumat dan pengetahuan.

“Kita memerlukan rakyat yang mempunyai pengetahuan kerana pekerja pada masa depan terdiri daripada mere-

ka yang berilmu, bukan sahaja memiliki kecekapan tangan tetapi berfikir serta membuat analisis bagi menentukan apa yang boleh dan tidak boleh,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan Amanat Presiden pada Majlis Penerangan Tatacara Mesyuarat dan Pemilihan Pergerakan Puteri UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Perdana Menteri sebelum itu melancarkan Unitem secara rasmi pada satu majlis berasingan di kampus utama universiti itu di Jalan Tun Ismail di sini hari ini.

Unitem merupakan sebuah universiti swasta khas milik 11 buah institusi pengajian tinggi awam yang mengamalkan konsep pengajian jarak jauh (PJJ).

Universiti itu telah beroperasi lebih setahun lalu dengan pelajar berjumlah 7,000 orang.

Menurutnya, konsep PJJ

membolehkan rakyat yang sudah bekerja untuk melanjutkan pengajian dalam kursus yang mereka minati menggunakan peralatan multimedia dan komunikasi lain.

“Kita boleh belajar pada masa lapang dengan lebih mudah tetapi terus berinteraksi dengan universiti supaya kita dapat menguasai ilmu sama seperti mereka yang di dalam universiti,” ujarnya.

Beliau turut menolak tanggapan bahawa kualiti pelajar PJJ lebih rendah berbanding pelajar lain memandangkan kebanyakan mereka memiliki kebolehan yang sama.

Katanya, sambutan terhadap Unitem juga amat baik kerana banyak ibu bapa dan orang ramai yang sanggup membelanjakan wang serta masa mereka untuk menguasai ilmu.

“Pada masa depan, ramai anggota tentera dan polis kita akan memiliki diploma atau ijazah,” katanya.